

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDAH BT. KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada kajian diadakan bagi mengenalpasti bilangan warga tidak berwarga/gelandangan di seluruh negara. Jika ya, minta Menteri menyatakan bilangan tersebut dalam tempoh 5 tahun terdekat. Jika tidak, minta Menteri memberi penjelasan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa memantau isu-isu kebajikan yang menghimpit masyarakat di negara ini tanpa mengira warna kulit, pegangan agama, ras/etnik dan fahaman politik. Kenyataan Dasar Sosial Negara telah menjamin hak semua warganegara dalam mendapat kebajikan yang sewajarnya mengikut isu permasalahan mereka.

Berkait dengan isu gelandangan, kajian bagi mengenalpasti bilangan gelandangan tidak pernah dilakukan secara menyeluruh di seluruh negara. Namun begitu, pada tahun 2010, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menjalankan *profiling* golongan gelandangan secara berperingkat di empat buah (4) bandar raya utama iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Georgetown dan Kuching. Berdasarkan *profiling* tersebut, pihak JKJ telah mengenal pasti seramai 1,646 orang gelandangan yang berada di bandar-bandar berkenaan. Pecahan golongan gelandangan adalah seperti berikut iaitu

1,387 orang di bandar raya Kuala Lumpur, 150 orang di Georgetown, 99 orang di bandar raya Johor Bahru dan 10 orang di Kuching.

Maklumat daripada *profiling* ini membantu KPWKM untuk merangka program yang khusus bagi menangani isu golongan gelandangan seperti mewujudkan Anjung Singgah yang merupakan salah satu projek di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Semenjak Anjung Singgah mula beroperasi hingga Ogos 2014, seramai 1,845 orang golongan gelandangan telah mendapat perkhidmatan tersebut. Kini terdapat empat buah Anjung Singgah di seluruh Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bharu, Pulau Pinang dan Kuching, Sarawak.

Sebagai tambahan, satu Kajian Golongan Gelandangan Di Lembah Klang sedang dijalankan oleh KPWKM dengan kerjasama Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian ini telah bermula pada bulan Julai 2013 dan akan berakhir pada hujung tahun 2014.

Hasil dari kajian ini diharap dapat membantu merungkai isu-isu sebenar gelandangan dan mewujudkan pendekatan terbaik serta menyeluruh bagi membendung masalah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 36

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bentuk pendirian Malaysia di peringkat antarabangsa berikutan tragedi hitam membabitkan dua pesawat MAS iaitu MH370 dan MH17 pada tahun 2014

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan komitmen untuk mencari pesawat MH370 sehinggalah pesawat tersebut dijumpai.

Manakala bagi nahas udara pesawat MH17, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan beberapa negara dan pertubuhan antarabangsa dari segi siasatan teknikal dan jenayah bagi mengheret pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan.